

3 lesen syarikat broker saham baru
Malaysiakini.com
October 15, 2010

Suruhanjaya sekuriti (SC) akan menawarkan tiga lesen broker saham baharu kepada syarikat tempatan, asing dan usaha sama yang layak untuk meningkatkan penyertaan pasaran runcit, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata SC akan menambah bilangan "Proprietary Day Traders" beroperasi di pasaran.

SC juga akan memudahkan proses dan prosedur penyusunan syarikat dan produk terutama Dana Dagangan Bursa (ETF), katanya semasa membentangkan Bajet 2011 di Dewan Rakyat hari ini.

Ia adalah antara langkah untuk menggerakkan pasaran modal domestik, terutama memepbagaikan propduk pelaburan, meliberalisasikan syarat pemegangan ekuiti dan had pelaburan, menawarkan insentif menarik selain meningkatkan kerjasama dengan burs-bursa asing.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145449>